

22 NOV 1997

Dasar-kerajaan

DASAR KERAJAAN BERJAYA PESATKAN EKONOMI NEGARA

JELI, 22 Nov (Bernama)--Kejayaan dasar-dasar kerajaan banyak membantu dalam merencanakan dan memesatkan ekonomi Malaysia khususnya dalam tempoh lapan tahun lepas, kata Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed hari ini.

Katanya polisi dan dasar kerajaan seperti Dasar Pandang Ke Timur dan Dasar Penswastaan terbukti berjaya apabila semua pihak termasuk pemimpin luar dan pelawat asing memuji keberkesanan pemerintahan negara di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Inilah dasar-dasar yang telah memajukan ekonomi kita sehingga hampir 10 peratus pertumbuhan dengan kadar pengangguran turun 2.8 peratus serta inflasinya rendah. Dasar ini dalam tempoh lapan tahun lepas berjaya membangunkan ekonomi negara kita," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau mengulas laporan terbaru majalah Far Eastern Economic Review bahawa beberapa dasar-dasar kerajaan Malaysia menjadi antara penyebab berlaku kemerosotan ekonomi negara sejak akhir-akhir ini.

Mustapa berkata Malaysia tidak boleh menerima pandangan sedemikian kerana sebelum ini pihak yang sama iaitu pemimpin luar dan bank antarabangsa pernah memuji usaha pemimpin negara ini memajukan negara.

"Dulu tak pernah timbul tetapi sekarang apabila kita hadapi masalah, ada pihak kata ada kelemahan dalam dasar kita. Kita tidak boleh menerima pandangan ini kerana kita tahu kita telah menjalankan dasar yang betul," katanya.

Mustapa berkata punca sebenar yang menjejaskan ekonomi negara ialah keadaan kewangan yang tidak stabil di rantau ini khususnya negara jiran hingga menyebabkan Malaysia turut menjadi mangsa.

"Dan mungkin ada antara kita ini termasuk sektor swasta yang sudah leka dengan kemewahan hingga terlalu ghairah mengimport barangan luar negara dan membeli barangan mewah sehingga turut menjejaskan imbalan pembayaran negara," katanya.

Beliau berkata rakyat Malaysia mampu untuk mengatasi keadaan sekarang sekiranya mengamalkan sikap menyimpan wang, bekerja kuat, menambah eksport dan bersederhana dalam setiap perkara.

Ketika ditanya mengenai kesukaran usahawan mendapatkan pinjaman bank bagi membiayai projek pembangunan pada masa ini, Mustapa berkata dalam keadaan ekonomi suram serta kadar faedah yang tinggi, adalah lebih baik para usahawan mencari modal sendiri bagi meneruskan perniagaan masing-masing.

Bagaimanapun beliau berharap institusi kewangan meneruskan pembiayaan bagi projek-projek yang berdaya maju yang boleh menambahkan eksport negara.

Menurutnya skim bantuan pinjaman kepada usahawan Industri Kecil dan Sederhana kementerianya masih diteruskan seperti biasa, yang diberi peruntukan sebanyak RM40 juta bagi tahun depan berbanding RM20 juta tahun ini. -- BERNAMA

RAR NAK